



KENYATAAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

PERINGATAN TARikh AKHIR 30 JUN 2022 UNTUK PERBAHARUI LESEN MEMANDU MALAYSIA (LMM) DAN LESEN KENDERAAN MOTOR (LKM) BAGI TARikh LUPUT BERMULA 13 JANUARI 2021

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia, ingin memberikan pemakluman dan peringatan kepada mana-mana pemegang lesen memandu yang tarikh luput lesen memandu mereka (seperti di jadual) **bermula pada 13 Januari 2021**, (penutupan operasi kaunter JPJ akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), untuk segera **melakukan transaksi pembaharuan LMM mereka sebelum 30 Jun 2022** (tempoh akhir penjadualan pelanjutan) bagi mengelakkan pemegang lesen yang mencapai tarikh luput tersebut perlu **menduduki semula semua Ujian Memandu** (sebagaimana permohonan baharu lesen memandu) seperti mana yang termaktub di bawah **Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 (Akta 333)** dan **Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Lesen Memandu) 1992**. Berikut adalah jenis LMM yang terlibat iaitu :

BIL.	JENIS LESEN	TEMPOH LUPUT
1.	Lesen Belajar Memandu (LDL)	Maksima 2 Tahun Selepas LDL Dikeluarkan
2.	Lesen Memandu Percubaan (PDL)	Tamat Tempoh Melebihi 1 Tahun
3.	Lesen Memandu Kompeten (CDL)	Tamat Tempoh Melebihi 3 Tahun
4.	Lesen Memandu Vokasional (GDL/PSV)	Tamat Tempoh Melebihi 3 Tahun

Pemakluman ini adalah dikhususkan kepada mana-mana pemegang lesen yang diberikan Pelanjutan Tarikh Tamat Tempoh (Keesahan) Lesen Memandu Malaysia (LMM) iaitu Lesen Belajar Memandu (LDL), Lesen Memandu Percubaan (PDL), Lesen Memandu Kompeten (CDL), dan Lesen Vokasional (PSV/GDL) melalui Pengecualian di bawah Kaedah 19 Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Lesen Memandu) 1992, berikutan PKP 3.0 fasa pertama yang diumumkan oleh Kerajaan mulai pada 1 Jun 2021 dan diberikan pengecualian oleh YB Menteri Pengangkutan pada 14 Oktober 2021, yang lalu.

Mengikut rekod di pangkalan data JPJ sehingga 22 Jun 2022, pemegang Lesen LDL adalah sebanyak 904,081, manakala pemegang Lesen PDL adalah sebanyak 14,216. Manakala bagi Lesen CDL dan Lesen Vokasional (PSV dan GDL) pula, adalah masing-masing sebanyak 197,030 dan 89,809.

Serentak dengan ini juga, pengguna turut dinasihatkan untuk memeriksa **Lesen Kenderaan Motor (LKM)** mereka dan digalakkan untuk memperbaharunya sebelum tarikh yang sama iaitu pada **30 Jun 2022**, bagi mengelak sebarang implikasi tindakan undang-undang mengikut **Seksyen 23(1) APJ 1987** kerana **LKM tamat tempoh**. Untuk rekod, sehingga 30 Jun 2022, jumlah LKM yang belum diperbaharui **bagi tempoh 3 tahun** adalah **sebanyak 4.4 juta**.

**KETUA PENGARAH
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN
MALAYSIA**

24 JUN 2022

[TAMAT]

FAQ BERHUBUNG TARikh TAMAT TEMPOH LESEN MEMANDU MALAYSIA

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1.	Bagaimana jikalau lesen CDL / Vokasional (GDL/PSV) tamat tempoh melebihi tiga (3) tahun bermula 13 Jan 2021 sehingga 30 Jun 2022, perlukah saya membuat permohonan baharu lesen dan menduduki semula ujian lesen memandu?	Tidak perlu, anda hanya perlu ke mana-mana kaunter JPJ & membuat pembaharuan CDL / Vokasional (GDL/PSV).
2.	Bagaimana jikalau lesen CDL/Vokasional (GDL/PSV) saya tamat tempoh melebihi tiga (3) tahun sebelum 13 Jan 2021, perlukah saya membuat permohonan baharu lesen dan menduduki semula ujian lesen memandu?	Ya, perlu.
3.	Bagaimana jikalau lesen CDL/Vokasional (GDL/PSV) saya tamat tempoh melebihi tiga (3) tahun selepas 30 Jun 2022, perlukah saya membuat permohonan baharu lesen dan menduduki semula ujian lesen memandu?	Ya, perlu.
4.	Bagaimana jikalau lesen PDL tamat tempoh melebihi satu (1) tahun bermula 13 Jan 2021 sehingga 30 Jun 2022, perlukah saya membuat permohonan baharu lesen dan menduduki semula ujian lesen memandu?	Tidak perlu, anda hanya perlu ke mana-mana kaunter JPJ & membuat permohonan baharu CDL.
5.	Bagaimana jikalau lesen PDL saya tamat tempoh melebihi satu (1) tahun sebelum 13 Jan 2021, perlukah saya membuat permohonan baharu lesen dan menduduki semula ujian lesen memandu?	Ya, perlu.
6.	Bagaimana jikalau lesen PDL saya tamat tempoh melebihi satu (1) tahun selepas 30 Jun 2022, perlukah saya membuat permohonan baharu lesen dan menduduki semula ujian lesen memandu?	Ya, perlu.
7.	Bagaimana jikalau lesen LDL saya tampat tempoh melebihi 2 tahun selepas 30 Jun 2022, perlukah saya membuat permohonan baharu lesen LDL dan menduduki semula ujian lesen memandu?	Ya, perlu.
8.	Bagaimana jikalau lesen LDL saya tamat tempoh melebihi 2 tahun bermula 13 Jan 2021 sehingga 30 Jun 2022 perlukah saya membuat permohonan baharu lesen LDL?	Tidak perlu, anda hanya perlu ke mana-mana kaunter JPJ & membuat pembaharuan LDL & melengkapkan Latihan & Ujian memandu.
9.	Bagaimana jikalau lesen LDL saya tamat tempoh melebihi 2 tahun sebelum 13 Jan 2021 perlukah saya membuat permohonan baharu lesen LDL dan menduduki semula ujian lesen memandu?	Ya, perlu.